

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM**

[BANDAR TUN RAZAK – BEBAS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 29

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan keterbukaan dan komitmen Malaysia menerima mangsa dan krisis kemanusian dari mana sahaja serta apakah perincian persediaan yang dibuat dalam menghadapi kemungkinan kemasukan mendadak pelarian Rohingya akibat genosid di Arakan, Myanmar termasuk penggubalan dan pengemaskinian semua dasar dan undang-undang berkaitan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, Malaysia sebagai negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerima mangsa dan krisis kemanusian dari negara lain berdasarkan kepada prinsip kemanusiaan dan "case by case basis" mengikut kemampuan negara. Malaysia sebelum ini telah menerima kehadiran "pelarian" Vietnam, Bosnia, Aceh, Selatan Filipina dan Syria. Kini "pelarian" dari Myanmar (termasuk etnik Rohingya) dan 56 negara yang lain telah berdaftar dengan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur yang menjadikan Malaysia sebagai negara destinasi untuk tinggal sementara yang tempohnya memakan masa bertahun-tahun.

Kemungkinan etnik Rohingya yang melarikan diri ke Bangladesh untuk memasuki negara-negara lain termasuk Malaysia buat masa ini adalah rendah. Ini kerana etnik Rohingya tersebut kini berada di kemping pelarian di Bangladesh dan pelbagai pihak termasuk Malaysia sedang menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka. Etnik Rohingya yang berhasrat untuk pergi ke negara lain termasuk Malaysia sering kali menjadi mangsa penipuan oleh sindiket-sindiket penyeludupan dan pemerdagangan manusia malah ada yang kehilangan nyawa.

Sekiranya terdapat warganegara asing yang memasuki Malaysia secara tidak sah, warga asing ini akan ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan tindakan undang-undang akan diambil

sewajarnya. Sekiranya mereka mendakwa sebagai “pelarian” maka mereka akan dirujuk kepada UNHCR yang akan menentukan status mereka sama ada layak diberikan perlindungan antarabangsa atau sebaliknya. Ini penting kerana terdapat beberapa insiden *boat people* sebelum ini di mana terdapat warga Bangladesh yang turut mendakwa sebagai etnik Rohingya untuk mendapatkan kad UNHCR.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, pihak Kerajaan Malaysia masih mengekalkan dasar-dasar sedia ada terhadap “pelarian” yang memegang kad UNHCR yang sah iaitu:

- (i) bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara. Walau bagaimanapun, “pelarian” ini hanya dibenarkan berada di Semenanjung sahaja;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ‘*non-refoulement*’ melainkan secara sukarela (*voluntary return*). “Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal;
- (iii) kemudahan untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan

- (iv) mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti "pelarian" dan UNHCR.

Walau bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan 'case by case basis' selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuatkuasa. Sekiranya "pelarian" ini terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan kerana mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.